

UPM berhasrat jadi universiti hijau, mesra alam

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) berhasrat menjadi universiti hijau dan mesra alam sebagai sokongan penyertaannya dalam *GreenMetric Ranking of World Universities*.

Ketua Seksyen Pemasaran Bahagian Promosi dan Pemasaran, Pejabat Pemasaran dan Komunikasi UPM, Nur Syafrina Mohd Sharif, berkata sebagai permulaan, pihaknya menganjurkan program *Recycling Rally* yang bertujuan mendidik kakitangan mengenai kepentingan mengitar semula barangan terpakai.

"Sambutan yang diberikan sangat menggalakkan apabila ramai kakitangan hadir dalam program ini. Kita berjaya mengumpul banyak barangan terpakai seperti surat khabar, majalah, kotak, plastik, botol, tin dan barangan elektronik untuk dikitar semula.

"Pengunjung turut mendapat mata ganjaran bagi setiap barangan terpakai yang dibawa melalui Program Kitar dan Ganjaran serta boleh menebusnya untuk menda-

patkan barangan elektronik serta barangan harian di beberapa kedai terpilih," katanya di UPM, Serdang, baru-baru ini.

Nur Syafrina berkata, pih-

akannya mengadakan program yang lebih besar mem-babitkan keseluruhan warga UPM termasuk pelajar.

"Pelajar akan menjadi sa-saran utama dalam program

ini kerana bilangan yang lebih ramai serta kesedaran mereka yang tinggi terhadap isi alam sekitar.

"Bagi memudahkan program mengitar semula

barangan terpakai, tong sampah kitar semula akan ditempatkan di beberapa lokasi strategik di kampus.

"Kami juga akan me-ngadakan ceramah me-nge-nai kesedaran alam sekitar dan Karnival Hijau peringkat UPM dalam tem-poh terdekat," katanya.



KAKITANGAN UPM menimbang barangan terpakai pada program *Recycling Rally* di UPM, baru-baru ini.

“Sambutan yang diberikan sangat menggalakkan apabila ramai kakitangan hadir dalam program ini. Kita berjaya mengumpul banyak barangan terpakai untuk dikitar semula”

**Nur Syafrina
Mohd Sharif**

Ketua Seksyen Pemasaran
Bahagian Promosi dan
Pemasaran, UPM